



**KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

PRIMA DAKWAH WILAYAHKU WP KUALA LUMPUR

2 FEBRUARI 2020 (AHAD) / 9.00 MALAM

STADIUM BOLA SEPAK KUALA LUMPUR, WP KL

Bismillahir rohmanirrohim.

Alhamdulillahi Robbil 'Alamin. Wassolatu wassalamu 'ala Asrafil Ambiya' wal Mursalin.
Wa ala aalihi wa Sohibi Ajma'in.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Puji dan syukur dipanjangkan kehadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan inayah-Nya juga, dapat kita berhimpun dan bersama menjayakan program "Prima Dakwah Wilayahku" yang bertempat di Stadium Kuala Lumpur (KLFA) Cheras ini, sempena meraikan "Hari Wilayah Persekutuan 2020".
2. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, juga ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda yang mulia serta sekalian ulama yang banyak berjasa.
3. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada hadirin sekalian, teristimewa buat para tetamu kehormat, para ulama dan asatizah yang hadir dari dalam dan luar negara, khasnya al-Fadhil Ust. Dr. Abdul Somad dari Pekan Baru, Riau, Indonesia. Mudah-mudahan himpunan kita ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.
4. Pada kesempatan ini, saya dengan besar hati ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penganjur utama, iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pertubuhan Dai Kuala Lumpur (DAIKL) atas inisiatif penganjuran program ini.
5. Apresiasi ini juga saya berikan kepada pihak-pihak yang turut membantu dalam menjayakan program ini, sama ada dari agensi kerajaan maupun bukan kerajaan. Mudah-mudahan sinergi seperti ini dapat diteruskan dalam penganjuran program yang membawa kebaikan secara holistik kepada warga Wilayah Persekutuan di masa hadapan.
6. Penganjuran program "Prima Dakwah Wilayahku" ini adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan perpaduan sesama kaum Muslimin serta menyediakan

platform interaksi dan ramah mesra warga Wilayah Persekutuan bersama Al-Fadhil Ust. Dr. Abdul Somad berkaitan doktrin agama dan isu-isu umat Islam kontemporari.

7. Program ini selain membantu memperkasakan ukhuwah Islamiah semasa Muslim, ia juga diyakini dapat membantu pihak kerajaan dalam melestarikan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai aliran arus perdana ummah untuk mendepani mehnah dan cabaran ummah semasa.

8. Kita harus bersyukur ke hadrat llahi atas kurniaan nikmat-Nya yang tidak terhingga kepada kita, khususnya dalam soal keamanan dan kesejahteraan hidup, walaupun negara kita rakyatnya berbilang agama dan bangsa. Kita bertuah kerana tidak diuji seperti negara-negara Islam yang lain, yang sentiasa berjuang untuk merasai kehidupan yang lebih bahagia dan sentosa. Namun begitu, hakikat ini bukanlah bererti kita terlepas langsung daripada permasalahan dan tribulasi, lebih-lebih lagi sejak akhir-akhir ini, agama dan bangsa kita sering diuji dengan isu-isu dan cabaran-cabaran dalam pelbagai bentuk.

9. Justeru itu, perpaduan dan penyatuan hati sesama kita amat perlu, terutamanya dalam usaha mendepani segala permasalahan yang berlaku. Sinergi semua pihak, khasnya dalam kalangan ulama' dan umarak serta pemimpin dan rakyat amat penting dalam mencari solusi dan penyelesaian yang terbaik demi agama, bangsa dan negara.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wa barakatuh.